

Harga rumah privet kecil terus meningkat

SEDANG harga rumah privet secara keseluruhan merosot, harga apartmen dan kondominium kecil (shoebox unit) masih meningkat.

Harga apartmen dan kondominium kecil (keluasan tidak lebih 506 kaki persegi atau 47 meter persegi) meningkat 0.5 peratus bulan lalu, menurut anggaran awal Indeks Perumahan Singapura (SRPI) yang disiapkan Institut Kajian Hartanah Universiti Nasional Singapura (NUS).

Ini berbanding kemerosotan 2 peratus pada November tahun lalu.

Secara keseluruhan, indeks harga rumah privet sudah siap susut 1.2 peratus bulan lalu daripada November.

Pengarah Eksekutif SLP International Property Consultants, Encik Nicholas Mak, ketika dihubungi, berkata kenaikan harga rumah privet kecil itu mungkin satu pembetulan teknikal setelah ia merosot 2 peratus pada November.

Sejak mula dilancar pada 2010, rumah kondominium dan apartmen kecil tumbuh bak cendawan selepas hujan, terutama dalam kawasan bandar. Daripada 12,097 unit yang dilancar, sekitar

47 peratus dalam kawasan pinggir bandar dan 37 peratus di luar bandar.

Rumah privet paling kecil yang pernah dijual ialah seluas 258 kaki persegi, iaitu seluas kira-kira dua setengah petak tempat letak kereta, di Suites@Guillemard.

Sementara itu, SRPI menyatakan indeks harga kondominium dan apartmen di kawasan bandar (tanpa mengambil kira rumah *shoebox*) susut 1.7 peratus bulan lalu daripada November. Kawasan bandar itu merangkumi daerah 1-4, termasuk Sentosa Cove.